



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 5 NOVEMBER 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MARDI LATIH 350 OPERATOR DRON PERTANIAN BERETIKA, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 10	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
2.	'PASTIKAN HANYA RAKYAT LAYAK NIKMATI SUBSIDI', NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 10	LAIN-LAIN
3.	TAHAP KESEDARAN MASYARAKAT MENINGKAT, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 7	
4.	ENHANCED BUDI95 SCHEME FOR E-HAILING DRIVERS, NATIONAL, THE SUN, M/S – 2	
5.	BUDI95 PEMANDU E-HAILING DINAIKKAN KEPADA 800 LITER, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 4	
6.	JOHOR RIVER POLLUTION CONTINUES TO AFFECT FISHERMAN, NATIONAL, THE SUN, M/S – 5	
7.	KECEKALAN TERAS KEKUATAN NAZ BAKERY DALAM INDUSTRI BAKERI TEMPATAN, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 11	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/11/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	10

Mardi latih 350 operator dron pertanian beretika



Ahmad Safuan (tiga dari kiri) melawat reruai pameran dron.

KOTA BHARU - Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) melatih 350 operator dron pertanian di seluruh negara bagi memastikan pengendali teknologi itu beretika dan mematuhi undang-undang penerbangan.

Pengarah Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Mardi, Ts Dr Ahmad Safuan Bujang berkata, latihan melalui modul pensijilan baharu dikenali *Remote Pilot Certificate of Competency – Agriculture Lite (RCOC-AL)* itu akan melayakkan mereka memperoleh sijil kompetensi sah di bawah Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM).

“Operator dron dalam kalangan petani sudah ramai.

“Jadi, latihan pensijilan yang diiktiraf CAAM ini penting untuk pengendali memahami aspek keselamatan, mengelak penyalahgunaan serta memastikan operasi penerbangan dron dijalankan meng-

ikut piawaian,” katanya pada sidang akhbar selepas Program Jelajah Dron Pertanian 2025 Zon Timur di sini pada Selasa.

Program terbabit sebahagian daripada pelaksanaan Projek Pemacu Digital Industri Padi 2025 di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Beliau berkata, RCOG-AL khusus untuk meningkatkan pemahaman penggunaan dron dalam aktiviti pertanian seperti penyemburan baja, racun dan pemantauan tanaman.

“Kami mahu semua operator dron beroperasi secara profesional, memahami undang-undang penerbangan, mengenal pasti kawasan larangan terbang dan mengutamakan keselamatan.

“Dron ini adalah ‘alat penerbangan sebenar’, maka pengendaliannya perlu patuh kepada peraturan seperti pesawat lain,” tegasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/11/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	10

Gapema sokong cadangan kerajaan laksana penyasaran subsidi gula, beras dan minyak masak

Oleh NORAFIDAH ASSAN
SHAH ALAM

Barangan bersubsidi seperti gula, beras dan minyak masak perlu dikekalkan jualannya di semua kedai runcit bagi memudahkan rakyat mendapatkan.

Naib Presiden Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Melayu Malaysia (Gapema), Baharudin Mohamed Ali berkata, pihaknya menyokong cadangan kerajaan untuk melaksanakan penyasaran subsidi bagi barangan berkenaan.

"Setiap pelanggan yang ingin membeli barangan bersubsidi

perlu menunjukkan kad pengenalan diri supaya hanya rakyat Malaysia yang berkecayaan sahaja dapat membelinya.

"Langkah ini juga boleh mengelakkan barangan tersebut diseludup keluar negara kerana harganya tinggi bagi orang bukan rakyat Malaysia," katanya dalam kenyataan pada Isnin. Baharudin yang juga Presiden Gapema



BAHARUDIN

Kedah berkata, pihak berkuasa juga perlu memastikan setiap kilang yang menerima kuota pembungkusan barangan subsidi menepati jumlah sebenar yang ditetapkan untuk pasaran tempatan.

"Pihak berkuasa juga mesti memastikan tiada penyelewengan dalam pengedaran dan pembungkusan barangan ini," katanya.

Sementara itu, Baharudin berkata, isu barangan subsidi ketika ini tidak begitu membimbangkan kerana harganya masih dikawal kerajaan.

"Namun, isu lain seperti cukai

taksiran pihak berkuasa tempatan (PBT) kini menjadi ke-bimbangan kepada peniaga," ujarnya.

Sebelum ini, media melaporkan bahawa kerajaan sedang meneliti pelaksanaan penyasaran subsidi dan bantuan terhadap barangan bersubsidi seperti gula, beras dan minyak masak secara berperingkat serta berfasa.

Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying berkata, langkah itu bertujuan mengelakkan ketirisan serta memastikan barangan bersubsidi hanya dinikmati golongan yang benar-benar memerlukan, seperti yang dilaksanakan menerusi Budi Madani RON95 (BUDI95) dan subsidi diesel.

Laporan Sinar Harian pada Selasa.



Tahap kesedaran masyarakat meningkat

Kuala Lumpur: Tahap kesedaran masyarakat, khususnya pemilik haiwan peliharaan beragama Islam di negara ini semakin meningkat terhadap kandungan makanan kucing di pasaran.

Pensyarah Kanan bidang kebajikan haiwan dan tingkah laku haiwan di Jabatan Pengajian Klinikal Veterinar, Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Syamira Syazuana Zaini berkata, keprihatinan itu menunjukkan tahap kefahaman masyarakat terhadap isu kebersihan dan kesucian semakin baik.

Katanya, pegawai veterinar juga berperanan memberi panduan sekiranya sesuatu produk atau makanan yang perlu dipreskripsi mengandungi bahan berasas babi, supaya pemilik haiwan dapat membuat keputusan tepat dan menguruskan kebersihan dengan betul.

"Apa yang penting ialah sama ada makanan itu menyediakan nutrien lengkap dan seimbang untuk keperluan spesies haiwan berkenaan seperti kucing yang bersifat karnivor obligat. Ia juga mesti selamat dimakan, bebas daripada toksin, kuman patogen atau bahan asing yang berbahaya," katanya.

Katanya, pelbagai alternatif protein halal boleh didapati di pasaran seperti sumber daripada

ayam, itik, ikan, daging lembu dan kambing.

"Pilih produk menyantakan sumber protein secara jelas seperti *chicken meal*, tuna, salmon atau *beef*," katanya.

Katanya, di pasaran terdapat makanan kucing import yang menggunakan sumber babi seperti *pork*, *swine*, *pig*, *lard*, *liver* atau *meat/animal derivatives* yang tertera pada label.

"Dalam nutrisi haiwan, bahan berasaskan babi berfungsi sebagai sumber protein utama kerana daging dan organnya terutama hati membekalkan protein serta profil asid amino lengkap termasuk taurina dan arginina yang penting untuk kucing," katanya.

"Sumber lemak (*lard*) pula memberi tenaga padat dan asid lemak penting seperti Omega-6 untuk kulit, bulu serta jantung yang sihat. Ia juga digunakan sebagai agen perisa bagi merangsang selera kucing," katanya.

Dr Syamira menasihatkan pemilik haiwan supaya membaca label dengan teliti dan memahami istilah yang merujuk kepada babi.

Dari sudut sains veterinar, katanya, bahan berasaskan babi sebenarnya tidak memberi kesan negatif kepada kesihatan atau tingkah laku kucing jika diambil dalam kadar yang seimbang.

Enhanced Budi95 scheme for e-hailing drivers

► Airport taxis would also be included among vehicles eligible for subsidy: PM

■ BY HARITH KAMAL
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The government has announced an enhanced Budi95 targeted fuel subsidy scheme, expanding benefits for e-hailing drivers and airport taxis nationwide as part of efforts to make the subsidy system fairer and more efficient.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim told parliament yesterday that the fuel quota for eligible e-hailing drivers would be raised from 600 litres to 800 litres per month, equivalent to about 5,000km of travel, following feedback that the current allocation was insufficient.

As of October, about 58,000 e-hailing drivers have benefitted from the Budi95 programme.

He added that airport taxis would also be included among vehicles eligible for subsidised RON95 petrol under the Controlled Subsidised Petrol Scheme.

"After one month of implementation, the Budi95 targeted subsidy has shown encouraging results, with 13.1 million Malaysians participating and RM2.6 billion channelled in subsidies."

He noted that the average usage in October was 98 litres, just one-third of the 300-litre monthly limit, with only 0.7% of users exceeding their quota, showing that the system meets most citizens' needs.

Eligibility has also been extended to

riverboat operators and fishermen without driving licences, in collaboration with the Fisheries Development Authority and state governments in Sabah and Sarawak. So far, 24,000 registered riverboat operators have been approved under the scheme.

Anwar said maintaining affordable petrol prices, rather than adopting the World Bank's call for direct cash transfers, has made the system more transparent and accessible.

The government has achieved savings of around RM2.5 billion, excluding RM5 billion from diesel smuggling prevention, RM6 billion from electricity subsidy reforms and RM2 billion from chicken and egg price rationalisation.

To further improve the system's reach, the Finance Ministry announced that a new tiered eligibility scheme for e-hailing drivers would take effect mid-month.

The monthly fuel subsidy ceiling would rise according to total travel distance recorded in e-hailing operator (EHO) systems from the previous month.

Drivers covering less than 2,000km a month would continue receiving the base allocation of 300 litres. Those clocking between 2,000km and 5,000km would be entitled to 600 litres, while those exceeding 5,000km could claim up to 800 litres.

"For instance, a driver who records 1,500km under one e-hailing platform and 600km under another, totalling 2,100km, would qualify for an additional 300 litres

under Budi95," the ministry said in a statement.

The reduction of the initial eligibility threshold from 3,000km to 2,000km and the introduction of a new tier for high-mileage drivers take into account non-passenger trips that are often unrecorded in apps.

The Land Public Transport Agency and the Commercial Vehicle Licensing Board in Sabah and Sarawak will oversee data verification while EHOs must submit monthly travel records for cross-checking.

Meanwhile, airport taxi operators can apply for a fleet card under the Fleet Card Management System administered by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry, allowing eligible taxis and rental cars to receive up to 800 litres of subsidised RON95 monthly.

However, airport limousines not regulated by the agency's fare structure will not qualify.

In a written reply to Arau MP Datuk Seri Dr Shahidan Kasim, the Finance Ministry said the government is deliberately taking a phased approach to fuel subsidy rationalisation to avoid adverse effects on the public.

It said the gradual rollout allows time for coordination among agencies and oil companies, as well as for system testing at petrol stations nationwide.

It added that lessons from the successful Budi Madani Diesel programme had guided this phase, enabling a smoother transition while maintaining the subsidised RON95 price at RM1.99 per litre.

It said the government's steady, targeted approach has helped keep inflation under control, with the rate easing from 2.5% in 2023 to 1.8% in 2024 and further down to 1.3% in the third quarter of this year.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/11/2025	THE SUN	NATIONAL	5

Johor river pollution continues to affect fishermen

KOTA TINGGI: The effects of the Sungai Johor pollution affecting the livelihoods of fishermen, especially the *Orang Asli* community, are expected to take a long time to recover.

Fisherman Azman Inam, 48, from Kampung Orang Asli Sayong Pinang, said the community is now only hoping that the rainy season would help save them.

"It feels like this river would recover in six months, because the flood season is approaching.

"We hope it could be restored as soon as possible and the fish could return to the waters, as they are starting to lay eggs now.

"This is what is frustrating, as this is our source of income."

He said the community is worried about

their lost income, and hopes the government could provide appropriate assistance.

"I hope the government would be more firm and proactive by conducting more frequent monitoring at pollution sites."

Kampung Orang Asli Sayong Pinang village chief Majid Jantan, 63, said the fishing community was forced to fish in more distant areas as well as seek additional income by tapping rubber.

"We see that even heavy rain does not help that much. Our water level is getting lower. If we want to fish, we have to go further out."

He expressed hope that fishermen who earn about RM60 to RM100 a day would receive assistance.

The pollution incident has affected the livelihoods of more than 150 fishermen,

including the *Orang Asli* community, along the upper reaches of Sungai Johor.

A total of 455,757 consumer account holders were affected in stages due to the pollution that caused water disruptions last Friday.

State Public Works, Transport, Infrastructure and Communication Committee chairman Mohamad Fazli Mohamad Salleh was quoted saying the pollution occurred after a sand-washing pond at a land-based sand mining site broke.

He said the incident was caused by ground movement that caused the sixth sand washing pond owned by a local company to break, contaminating the flow of Sungai Johor. - Bernama

BUDI95 pemandu e-hailing dinaikkan kepada 800 liter

Pengecualian subsidi petrol kepada T15 dilaksana selepas sistem dinaik taraf lebih mantap

Oleh Suzalina Halid dan Ercy Gracella Ajos
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim, menjelaskan purata penggunaan petrol RON95 melalui Program BUDI MADANI RON95 (BUDI95) bagi setiap pengguna adalah 98 liter sahaja sepanjang Oktober lalu.

Perdana Menteri berkata, ia sekali gus hanya mewakili 33 peratus sahaja berbanding 300 liter had bulanan yang ditetapkan melalui BUDI95.

"Adakah 300 liter mencukupi? Kalau kita lihat purata penggunaan bulan Oktober adalah 98 liter sahaja, iaitu 33 peratus daripada kelayakan. Mereka yang membelanjakan lebih 300 liter hanya 0.7 peratus sahaja," katanya pada Waktu Pertanyaan Perdana Menteri (PMQT), di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian men-



jawab soalan Syerleena binti Abdul Rashid (PH-Bukit Bendera) mengenai kemajuan bulan pertama pelaksanaan BUDI95.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan setuju untuk meningkatkan siling penggunaan BUDI95 daripada 600 liter kepada 800 liter sebulan bagi pemandu e-hailing.

Beliau berkata, keputusan itu dibuat selepas mengambil kira maklum balas pemandu e-hailing yang anggap jumlah semasa 600 liter masih belum mencukupi untuk menampung kos operasi harian.

"Untuk Oktober, (subsidi pemandu) e-hailing aktif kita naikan daripada 300 liter kepada 600 liter untuk 58,000 pemandu aktif yang layak. (Bagaimanapun), ada lagi rakan-rakan di e-hailing berasakan (jumlah berkenaan) belum mencukupi.

"Jadi sekarang, kita mengkaji kalau betul ada rekod dan keperluan, maka kerajaan bersetuju meningkatkan had kelayakan

BUDI95 bagi pemandu e-hailing yang layak kepada sehingga 800 liter sebulan," katanya.

Had 800 liter sebulan hanya terpakai bagi pemandu e-hailing yang mencatat jarak perjalanan melebihi 5,000 kilometer sebulan, mengikut skim berperingkat yang dilaksanakan kerajaan.

Perluas inisiatif subsidi

Sementara itu, Anwar berkata, kerajaan juga bersetuju agar teksi lapangan terbang disenaraikan sebagai kenderaan yang layak menerima petrol RON95 bersubsidi di bawah skim kawalan petrol bersubsidi (SKPS).

"Selain itu, kerajaan turut memperluas kemudahan BUDI95 kepada nelayan tidak memiliki lesen memandu dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) kerajaan Sabah dan Sarawak. Setakat 31 Oktober lalu, sebanyak 24,000 pengguna bot berdaftar tanpa lesen memandu sudah diluluskan untuk menerima BUDI95," katanya.

Seramai 13.1 juta rakyat melakukan transaksi di bawah program BUDI95 dengan nilai perbelanjaan sebanyak RM2.66 bilion dalam bulan pertama pelaksanaannya bermula 30 September hingga 31 Oktober lalu.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, pengecualian pemberian subsidi RON95 kepada golongan T15 hanya boleh dilak-



Anwar pada Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat semalam. (Foto BERNAMA)

sanakan selepas sistem BUDI95 dinaik taraf menjadi lebih mantap.

Beliau berkata, kerajaan melihat pengecualian itu boleh dilaksanakan kepada mereka yang benar-benar mempunyai pendapatan tinggi ataupun menggunakan kenderaan mewah.

Bagaimanapun, beliau berkata, buat masa ini kerajaan meneruskan dulu pelaksanaan program BUDI95 dengan sistem sedia ada.

"Jadi sekarang ini, pandangan kita, kita jalankan ini dulu dan kalau ada keperluan pada masa akan datang, yang mana sistem itu lebih mantap, maka boleh kita kenakan, tetapi bagi yang benar-benar tinggi ataupun kende-

raan mewah," katanya.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, dengan pelaksanaan BUDI95, kerajaan dapat menjimatkan kira-kira RM2.5 bilion, selain menjimatkan RM5 bilion melalui penyesaran subsidi diesel.

"Dari segi penyesaran subsidi elektrik pula, kerajaan dapat menjimatkan RM6 bilion, manakala bagi ayam dan telur masing-masing RM1 bilion wang dapat diijamatkan. Ada yang mengatakan bahawa ini lebih rendah daripada yang disasarkan pada peringkat awal mengikut kajian Bank Dunia. Saya tidak setuju sebab kita lihat penyesaran subsidi dari segi keseluruhan," katanya.

TARIKH	MEDIA	KUANGAN	MUKA SURAT
5/11/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

Kecekalan teras kekuatan Naz Bakery dalam industri bakeri tempatan

IPOH - Ketabahan dan kecekalan menjadi kunci utama buat seorang usahawan bakeri dalam memastikan perniagaannya kekal bertahan meskipun terpaksa berpindah sebanyak 11 kali sejak mula berniaga lebih dua dekad lalu.

Nazlil Zita Lot Ismail, 53, yang memiliki Naz Bakery yang kini beroperasi di Taman Meru Perdana 2, Ipoh itu mengakui perjalanan 26 tahun dalam dunia bakeri bukan mudah.


"Sejak mula pada tahun 1999, saya hanya berniaga dari rumah di Batu Gajah menggunakan modal sendiri tanpa pinjaman mana-mana pihak. Ketika itu, orang masih skeptikal dengan usahawan Melayu dalam bidang bakeri walaupun saya lulus *Certificate In Eastern and Western Diploma in Chef Training* Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan pernah bekerja di beberapa hotel di Langkawi, Pulau Pinang, Ipoh dan Pulau Pangkor.

"Dari rumah, saya berpindah ke Puncak Jelapang, kemudian ke Manjung, Seri Iskandar, dan beberapa lokasi lain sebelum akhirnya menetap di Meru Perdana ini kerana mahu menjaga ibu. Setiap kali berpindah saya belajar sesuatu baharu tentang pasaran, pelanggan dan strategi jualan," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*.

Nazlil Zita berkata, perniagaannya 11 kali berpindah disebabkan pelbagai faktor yang tidak boleh dielakkan selain strategi perniagaan yang menuntut pengorbanan



Nazlil Zita (kiri) bersama anak keduanya, Nurul Atikah Mohd Ikbar, 23, menunjukkan antara produk laris terjual di Naz Bakery yang beroperasi di Taman Meru Perdana 2 di sini.



Meskipun berdepan pelbagai cabaran termasuk terpaksa berpindah 11 kali, Nazlil Zita tidak pernah berputus asas dengan sokongan keluarga serta pelbagai pihak termasuk kerajaan negeri.

besar bukan sahaja dari segi tenaga dan masa, malah kewangan.

Mengulas lanjut, beliau berkata, antara bantuan diterima termasuklah daripada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan terbaharu Sekretariat Usahawan Perak (STeP) yang menyediakan geran RM10,000 bagi tujuan pensijilan halal dan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI).

Nazlil Zita kini berhasrat menumpukan perhatian kepada produk utama yang menjadi identiti bakerinya, iaitu

Portuguese Egg Tart dan pelbagai jenis pastri premium di bawah jenama Naz Pastry.

"Produk ini memang laris di mana-mana. Setiap kali musim perayaan, jualan kami mencecah sehingga RM40,000 terutamanya biskut seperti *Red Velvet* dan *Biscoff*."

"Pelanggan kami bukan saja dari Perak tetapi juga Kuala Lumpur dan luar negara melalui platform seperti *Google Business*," katanya.

Menurutnya, Naz Bakery kini dalam proses mengukuhkan kehadiran di platform digital seperti TikTok, Facebook dan GrabFood bagi menarik pelanggan

muda serta memperluas capaian pasaran dengan bantuan anaknya yang akan meneruskan perniagaan tersebut.

Nazlil Zita merupakan sebahagian usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang diberikan perhatian oleh kerajaan negeri Perak pimpinan Datuk Seri Saarani Mohamad untuk terus berjaya.

Selari dengan aspirasi Pelan Perak Sejahtera 2030 yang mahu memastikan sasaran Sejahtera Ekonomi dan Sejahtera Sosial dicapai dengan tumpuan kepada pembangunan keusahawanan tempatan terutama dalam sektor makanan serta PMKS.

2030
PERAK
SEJAHTERA